

TARIKH :
SURAT KHABAR :
MUKA SURAT :

Pencen Ilat suami legakan balu

MELAKA - "Saya lega dapat bantuan Perkeso kerana ia meringankan beban keluarga sejak kematian suami pada November lalu," kata Tan Chai Suai, 50.

Chai Suai ialah balu yang menerima pencen ilat sebanyak RM490.82 dan Elaun Layanan Sentiasa (ELS) berjumlah RM500 sebulan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) selepas kematian suami.

Dia menerima bantuan itu selepas suaminya, Ong Sai Guan, 52, meninggal dunia akibat kanser pada 27 November lalu.

Chai Suai seorang suri rumah berkata, dia terkejut selepas mendapati mendiang suaminya mencarum dengan Perkeso di bawah SKSPS, sejak dua tahun lalu.

"Saya tidak tahu mendiang suami ada buat caruman. Bila dia disahkan sakit kanser dan terlantar kami didatangi kakitangan Perkeso dan memberi bantuan seperti lampin pakai buang, kerusi roda, tilam dan oksigen concentrator untuk suami.

"Saya rasa cukup lega dapat bantuan sebelum ini seperti Faedah Pencen Penakat sebanyak RM550 dan RM2,000 bagi Fae-



AHLI Parlimen Kota Melaka, Khoo Poay Tiong (tiga dari kiri) dan Pengarah Perkeso Melaka, Abd. Razak Omar (dua dari kiri) menyampaikan simbolik pencen ilat dan ELS kepada Chai Suai di Rumah Pangsa Jalan Gajah Berang, Melaka.

dah Pengurusan Mayat," katanya selepas menerima kunjungan Skwad Perkeso Prihatin di rumahnya di Rumah Pangsa Jalan Gajah Berang di sini.

Tambah Chai Suai, bantuan yang diterimanya sedikit melegakan buat menyara tiga anaknya berusia antara 15 hingga 22 tahun.

Katanya, dia kini menjadi suri rumah sepenuh masa selepas berhenti kerja di sebuah restoran kerana menjaga mendiang sua-

minya.

"Saya menyarankan kepada individu bekerja sendiri supaya membuat caruman dalam SKSPS sebagai persiapan jika berlaku tidak terjangka.

"Caruman ini banyak membantu dan meringankan bebanan saya selepas kematian suami. Saya tidak sangka banyak dapat manfaat bila mencarum dengan Perkeso. Saya hendak ucap terima kasih kepada kerajaan," ujarnya.